

14/10/1998

Kad pintar diguna November tahun depan

FASA pertama penggunaan Kad Serbaguna dijangka bermula November tahun depan dengan membabitkan kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC), jika segala rancangan berjalan mengikut jadual.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Ong Ka Ting, berkata percubaan menggunakan kad itu sedang dilakukan untuk mengatasi masalah teknikal kerana projek itu sangat teknikal dan perlu dilaksanakan secara berhati-hati.

"Kerajaan masih mengkaji implikasi kad berkenaan bagi memberi kemudahan kepada rakyat yang mana mereka boleh menggunakan kad itu bagi pelbagai tujuan," katanya di Kuala Lumpur selepas merasmikan persidangan Kad Pintar 1998, minggu lalu.

Beliau berkata, penggunaan kad serbaguna berperanan sebagai kad pengenalan, lesen memandu, passport, kad perubatan dan E-cash dan dilengkapi dengan ciri keselamatan dijangka dapat diperluaskan ke seluruh negara pada 2001.

Menurutnya, kad itu akan menjadi kad pengenalan kepada rakyat negara ini manakala bagi kegunaan seperti lesen memandu, passport, kad perubatan dan E-cash hanya akan dilaksanakan menerusi permohonan.

Pemohon kad berkenaan tetap akan dikenakan bayaran berpatutan seperti Kad Pengenalan Bermutu Tinggi yang mana ia perlu dibayar tetapi kerajaan tidak mewajibkan kad itu dan rakyat yang ingin mendapatkannya perlu mengemukakan permohonan.

Mengenai tapisan Internet, Ong berkata, kerajaan memberi jaminan tidak akan menyekat kebebasan penggunaan Internet walaupun terdapat kejadian penyebaran khabar angin menerusi sistem rangkaian itu.

Katanya, kerajaan masih berpegang kepada janji ketika cadangan penubuhan MSC oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu memberi kebebasan kepada penggunaan teknologi maklumat.

"Kerajaan sukar mengawasi khabar angin dan maklumat yang tidak tepat boleh menjejaskan keamanan dan keselamatan menerusi Internet kerana tidak ada kuasa untuk berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata, polis hanya bertindak dengan membuat penyiasatan sekiranya Internet disalahgunakan untuk tujuan tidak baik seperti menimbulkan khabar angin yang boleh mencetuskan ketegangan perkauman.

Beliau berkata, penyiasatan itu bagaimanapun tidak bermakna kerajaan menyekat kebebasan penggunaan Internet.

(END)